

# KENTUT-KENTUT CINTA

KENTUT-KENTUT CINTA

KHAIRY TAJUDIN

KHAIRY TAJUDIN



# SEKAPUR SIRIH

Assalamualaikum.

Terima kasih kerana mendapatkan naskah ini. Ia adalah percuma untuk anda dan anda boleh berkongsi karya ini dengan sesiapa sahaja asalkan anda tidak mengubah apa-apa isi atau menjalankan aktiviti *plagiarism*. Semoga anda mendapat manfaat dan moral daripada kisah ini.

Yang benar,

**Khairy Tajudin**

Penulis, Editor, Coach Penulisan

<http://www.khairytajudin.com>



**Khairy Tajudin**



**KHAIRY\_TAJUDIN**



**019-4702839**

## EPISOD 1

“I like ‘ustaz ni’. Hidung dia mancung. Comel plak tu. Bertuahnya kalau dapat jadi awek dia.”

“Err ... ustaz, boleh tak minta no fon. Nanti kalau saya ada apa-apa masalah, saya boleh tanya ustaz. Cara ustaz beri penerangan tadi, sangat jelas dan mudah faham,” kata Ixora (bukan nama sebenar).

“Ermmm ... boleh. Apa salahnya. Lagipun berkongsi ilmu ni kan perkara yang bagus ... betul tak?” balas Amirul (bukan nama sebenar), seorang pelajar universiti yang terkenal dengan imej ala-ala ustaz.

“Awak pelajar engineering, tahu selok belok agama. Zaman sekarang susahlah nak cari orang muda macam awak, selalunya orang muda macam awak nie banyak yang rosak,” kata Ixora.

Maka, mulai hari itu mereka pun berbalas-balas SMS. Dari bab taharah sampailah bab haid dan istihadah. Tanpa disedari, mereka tenggelam dalam dunia ‘syurga buatan manusia’.

Sampai suatu hari, Ixora bertanya, “Err ... ustaz, apakah hukumnya bercinta sebelum kahwin?”

Maka jawab Amirul, “Cinta tu kan sifat semula jadi manusia...apa salahnya? jika takde cinta, sunyilah dunia ni.”

[Betulke?]

Dalam diam-diam, Ixora yang dulu selalu mengenakan seluar ketat atau jeans akhirnya berubah kepada jubah muslimah akibat kerisauan Amirul. Ixora telah meng-*upload* gambar terbarunya ke dalam FB. Amirul menekan status “*like*”. Maka mereka pun saling membalas komen. Tiada orang lain yang menyelit. Amirul yang dulunya selalu tidur awal dan bangun awal untuk tahajud, sekarang sudah pandai tidur lewat, dan bangun pun lewat. Kadangkala terlepas solat Subuh berjemaah. Rakan-rakan seperjuangannya sudah memandang serong atas perubahan yang berlaku kepadanya.

“Amirul, esok malam ada program mingguan, jangan lupa tau,” pesan Anuar, seorang rakan seusaha di kampus. Anuar dan Amirul bersama-sama berjuang dalam Kelab Amar Makruf Nahi Mungkar (AMAR).

Maka, pada petang esok, Amirul mendapat SMS daripada Ixora. “Ustaz, boleh tak kita jumpa petang ni. Kawan-kawan saya hendak jemput ustaz bagi sedikit tazkirah sempena majlis hari jadinya ... boleh tak?”

“Err ... sambut besday katne? Kalau ikuntukan, petang ni saya ada program,” jawab Amirul.

“Kat KFC. Bolehlah ustaz ... hari ni jer. Mereka pun nak berkenalan dengan ustaz jugak,” pujuk Ixora. Maka, pada petang itu, Amirul tinggalkan program dan pergi layan budak-budak perempuan itu.

Petang tu ketika majlis harijadi, Ixora datang bergaya dengan jubah muslimah ala abayya. Ketika Amirul menyampaikan sesi tazkirah tentang

kepentingan memelihara aurat, tanpa disedari Ixora melirikkan pandangan matanya kepada Amirul.

“Aaah, tidak mungkin!” Cepat-cepat Ixora menafikan perasaan hatinya.

Sejak hari tu, nama Amirul meniti dari bibir ke bibir sehingga harum ke kolej siswi. Popularitinya itu tidak disukai oleh segelintir ahli PPI (Persatuan Pelajar Islam). Tambahan pula, muslimat Persatuan Pelajar Islam sudah mula membanding-bandingkan antara muslimin Persatuan Pelajar Islam dengan kumpulan AMAR yang lebih agresif.

Satu hari, program mingguan AMAR berlangsung dan Amirul telah diputuskan untuk menyampaikan tazkirah. Ketika sebelum solat maghrib, Ixora mendapat SMS daripada Amirul menyatakan bahawa selepas Maghrib di surau, Amirul akan memberikan kuliah. Maka sepantas kilat, Ixora melarikan punggungnya menuju ke surau. Di dalam surau (woman partition) Ixora berada di saf hadapan. Selepas solat maghrib maka bermulalah majlis tazkirah. Kaum wanita memohon agar tabir yang memisahkan lelaki dan wanita dibuka. Maka, berlakulah pandang memandang dan jeling menjeling.

Timbullah fitnah.

Lalu, Persatuan Pelajar Islam mengajak geng AMAR berdebat mengenai fikrah siapakah yang paling benar dan sunnah. Amirul pantang dicabar tapi Anuar segera menasihati, “Amirul, usaha kita ni bukan untuk mencari sapa betul sapa

salah ... kita usaha atas dasar kasih sayang umat. Aku tak setuju dengan debat ini!”

Balas Amirul, “Tapi, kalau kita tak terangkan kepada mereka, sampai bila mereka nak faham?”

Nazrin, seorang ahli geng Persatuan Pelajar Islam hanya ketawa tatkala mengetahui bahawa Amirul tak mendapat sokongan kawan-kawannya.

“Jika begini, mudah saja kita malukan dia di hadapan orang ramai. Hahaha!”

Pada masa yang sama, Amirul sibuk mentelaah pelbagai kitab untuk mencari dalil-dalil yang bakal digunakan untuk menyokong tindakannya. Apabila sudah cukup mantap buktinya, maka dia berkata, “Aku pasti, mereka semua akan tinggalkan PPI dan sertai AMAR!”

Maka, seperti yang dirancang, majlis debat tertutup itu diadakan juga di sebuah dewan tertutup yang melibatkan ahli-ahli geng Persatuan Pelajar Islam termasuk muslimin dan muslimat. Amirul datang berseorangan kerana kawan-kawannya tidak menyokongnya. Dia pula sibuk nak berdebat (dengan niat nak pengaruhi orang dengan hujah)

Dalam majlis tersebut, Amirul telah dimalukan oleh geng-geng Persatuan Pelajar Islam apabila setiap hujahnya dipatahkan satu persatu. Ixora dan beberapa orang rakannya menaruh simpati terhadap sikap Nazrin dan rakan-rakannya yang lain yang telah memperlekehkan Amirul.

“Korang semua tak patut buat dia camni!!! Saya benci korang! Saya benci!”

Kata-kata Ixora itu telah menyusup masuk ke dalm hati Amirul. Amirul bangga Ixora menyebelahnya. “Sudahlah! Jom kita keluar dari sini.”

“Awak, mengapa awak menyebelahi saya?” soal Amirul.

“Saya tahu ustaz bercakap benar. Mereka saja yang ego dan tak mau terima.”

“Mulai hari ni, tak payahlah awak panggil saya ustaz lagi. Saya bukan ustaz dan saya sebenarnya tak ada ilmu pun. Awak sudah lihat bagaimana saya begitu jahil dan tak dapat nak jawab soalan-soalan mereka tadi,” Amirul merendahkan dirinya.

“Inilah sifat mulia yang saya suka pada ustaz. Ustaz sangat merendah diri. Bukan seperti mereka yang berlagak sombong tu,” kata Ixora. Maka, semakin kembanglah lubang idung Amirul.

“Err ... saya agak kekok dipanggil ustaz. Apa kata awak panggil saya dengan nama Amirul saja.”

“Baiklah. Mulai hari ni saya panggil awak Abang Amirul. Awak kan lebih tua dari saya. Saya ni junior jer ... hehe.” Amirul tersipu-sipu dan hatinya berbunga-bunga.

Hari demi hari berlalu. Amirul dan Ixora semakin rapat. Meskipun begitu, mereka masih sembunyi-sembunyi dalam menjalinkan hubungan.

“Abang Amirul, saya pening kepalalah hari ni.” SMS Ixora pada suatu hari.



“Awak demam ke? biar saya belikan ubat ye.”

“Terima kasih abang. Jangan lupa beli nasi kandar sekali ye. Mak dada, taknak *drumstick*. Hehe,” pinta Ixora.

“Okey, nanti sy hantar.”

“Amirul, kau nak ke mana? Jom gi masjid,” ajak Anuar.

“Err ... kau pergilah dulu. Nanti aku pergi kemudian. Ada hal sket ni.”

Amirul sejak dua menjak ini.

Pada suatu hari, tanpa Amirul duga, dia ternampak Ixora bersama-sama seorang lelaki lain di sebuah pusat beli belah. Wajahnya bertukar menjadi kemerah-merahan. Dia mengetap bibir.

“Tidak guna punya pompuan! Main kayu 3 dengan aku!”

Maka, bermula hari itu, Amirul bermuram durja. Setiap SMS yang dihantar oleh Ixora tak dibalasnya.

Anuar bertanya, “Apehal dengan kau ni, Amirul? Asyik masam je muka. Mana pergi gula kat wajah kau dulu?”

“Gula dah naik harga la,” jawab Amirul, masih berteka teki.

Pada masa yang sama, Ixora pula tertanya-tanya. ‘Mengapa Amirul tak balas mesej saya?’

Suatu hari di kampus, Ixora terserempak dengan Amirul, “Abang Amirul!” Amirul mempercepatkan langkahnya dan tak mahu dia menatap wajah yang

menyakitkan hatinya itu. Ixora mengejanya sehingga sampai ke satu kawasan yang tiada orang.

“Abang Amirul! Tunggu dulu. Jika marah kat saya sekalipun, takkanlah takleh maaf. Kan abang selalu cakap, ‘sedangkan Nabi ampunkan umat.’ Amirul terpaksa memberhentikan langkahnya. Terbukti hatinya masih tersisa suatu perasaan walaupun terluka.

“Maaf Ixora! Saya bukan Nabi!” jawab Amirul, serius.

“Tapi, bukankah abang selalu cakap, kejayaan kita hanya dengan mengikut sunnah Nabi?” Amirul terperangkap dengan kata-kata itu. Memang lumrah. Manusia akan diuji dengan apa yang dia perkatakan. “Boleh saya tahu, mengapa abang tak balas SMS saya? Saya *call* pun abang tak angkat. Saya ada buat salah ke?”

Amirul diam. Dia malu untuk mengatakan bahawa dia cemburu melihat Ixora dengan lelaki lain pada tempoh hari.

“Kalau abang tak jelaskan kepada saya masalah sebenar, saya mungkin akan *delete* nombor fon abang. Mungkin di sini sajalah ‘persahabatan’ kita.” Ixora seakan-akan merajuk.

Kedua-duanya berpisah di situ. Amirul menuju ke kuliah Mekatronik manakala Ixora balik ke kolej dengan linangan air mata. Amirul langsung tak mengalihkan pandangan ke arah Ixora. Setibanya di kelas, dia disapa oleh Safwan.

“Amirul, harini kelas batal. Dr. Fansuri ada *meeting*. Jom kita lepak kat kafe.”

\*\*\*

“SAFWAN, aku sebenarnya ada *problem* ni. Boleh tak kau tolong aku setelkan masalah ni?”

“Apa masalah kau? kalau bleh tolong, aku tolong ... .”

“Serba salah aku nak citer kat kau. Aku takut kau pancung aku plak mcm Anuar dan kawan-kawan yang lain pancung aku.”

“Hahaha! Apalah kau ni. Takut kena pancung plak. Bukankah kau yang suka pancung orang? Tak sedar. Hahaha.” Safwan ketawa

Ketika berbual dengan Safwan, pandangan Amirul melirik ke atas seorang gadis yang lengkap berpurdah. Dalam hatinya tertanya-tanya siapakah dia?

Amirul pun menceritakan semuanya kepada Safwan yang sangat ‘baik hati’. Setelah mendengar dengan teliti apa masalah Amirul, akhirnya Safwan memberinya nasihat.

“Amirul, kau dengar nasihat aku baik-baik ... .”

Ketika Safwan sedang memberi nasihat, Amirul terpandang ke arah lain. Melihat akan gadis lengkap berpurdah itu, maka Amirul teringat akan kisah lama dulu ketika di zaman waktu mengambil diploma di Politeknik.

Safwan terus memberi nasihat walaupun Amirul ‘hilang’ entah ke mana.

“Amirul, Allah dah bagi kita nikmat yang besar, nikmat usaha agama, nikmat yang tak semua orang dapat. Hargailah ia.”

“Woi, apa yang kau pandang-pandang tu?” jerkah Safwan tatkala melihat Amirul terpana melihat seorang gadis berpurdah tadi.

“Eh Safwan, sapa budak tu?”

“Kau ni Amirul ... tak serik-serik. Mana ada orang berpurdah kat sini. Kau ni mengelamun ke apa?”

Amirul menenych-nenychkan matanya. Memang tak ada orang pun.

\*\*\*

AMIRUL terus ke *library*. Ketika di *library*, Amirul seperti biasa segak bergaya mengenakan songkok ala orang Johor. Wajahnya yang ditumbuhi janggut menambahkan lagi kemachoan dan ketampanannya. Ketika sibuk berdiskusi mengenai satu tugasan berkumpulan, sekali lagi Amirul melirikkan pandangan ke arah sekujur tubuh. Apabila diamati, rupa-rupanya Ixora sedang memerhatikannya dari jauh.

“Ah! Budak ini lagi. Takde tempat lain ke dia nak *study!*”

Ketika Ixora semakin berani mengalihkan pandangannya ke arah Amirul, Amirul menjadi serba salah. Serta merta Amirul bingkas bangun meninggalkan diskusi bersama rakan-rakannya. Seterusnya melarikan ke arah pintu utama *library*. Ketika memasuki lif untuk turun ke ruang legar *library*, dengan tidak

sengaja, Amirul terlanggar seorang gadis yang lengkap berpurdah. Hanya tinggal mereka berdua sahaja di dalam lif.

Kedua-duanya tunduk kemalu-maluan. Amirul membetulkan songkok Johornya yang senget. Gadis berpurdah itu berpura-pura melihat jam tangannya. Amirul terasa seperti hendak menegur tetapi tak berani. Akhirnya, mereka keluar dari lif. Amirul tak tahu hendak ke mana. Dia masuk semula ke dalam lif untuk ke *library* semula kerana dia tertinggal *handphone*. Sesampainya di tingkat atas, sekali lagi dia terserempak dengan Ixora.

‘Ya Allah! Kuatkanlah iman aku,’ bisik hatinya.

“Abang Amirul, boleh kita berbual sekejap? Saya ada hal nak cakap.”

Amirul membisu.

“Saya rasa, elok kita jernihkan kekeruhan antara kita. Tidak elok kita bermasam muka tanpa kita ketahui sebab dan puncanya. Lagipun tak masuk syurga orang yang tak bercakap dengan saudaranya lebih dari tiga hari.” Pandai pulak si Ixora menggunakan dalil.

Amirul menjawab, “Awak, jangan sebarangan menggunakan dalil. Berdosa kalau guna tak kena pada tempatnya.”

“Oklah. Saya minta maaf kalau dalil tu tak sesuai untuk digunakan dalam masalah kita. Saya ni jahil. Baru nak belajar-belajar agama. Tapi, orang yang saya harapkan untuk bimbing saya sudah tak sukakan saya lag.” Ixora menanggung secebis simpati.

“Tapi, saya perlukan penjelasan abang. Mengapa abang tak balas SMS saya? Takkan takdak kredit kot? Dah masuk 2 minggu kita macam ni. Saya tak sedap atilah. Apa salah saya?”

Amirul menarik nafas panjang. “Terlebih dulu saya minta maaf. Saya sendiri keliru dengan apa yang saya rasakan. Saya seolah-olah memendam satu perasaan yang tak termampu saya luahkan. Tapi, jika disimpan terasa sakit.”

Benarlah kata pepatah, cinta ibarat kentut. Disimpan rasa sakit, dilepas rasa malu.

“Mengapa perlu segan dengan saya? Bukankah kita ni kawan? Cucite ... cucite ... .” Ixora sengaja buat lawak nak bagi Amirul gelak.

“Erm ... pandai awak buat lawak eh ... hehe.” Mereka berdua sama-sama tertawa. Amirul menyambung bicara, “Boleh saya tahu, sejauh mana awak suka berkawan dengan saya?”

“Ermmm jauhlah jugak. Sejauh kutub utara kutub selatan. Hehe,” jawab Ixora. “Mengapa tanya?”

Amirul menggaru-garu kepalanya yang tak gatal.

“Err ... boleh saya tahu, ada lagi tak orang yang ‘lebih jauh’ dari tu?”

“Hehe. Saya tak faham bahasa semantik abang tu. Cakap *direct* kan senang?”

“Ok, kalau saya cakap *direct*, awak jangan marah saya tau.”

Amirul mula berfikir untuk menyambung ayat seterusnya.

"Laaa ... nak marah kenapa pulak? Cakap jelah ... ."

"Err ... awak dah ada yang '*special*'?" soal Amirul.

"*Special*? Haha ... lawaklah ... sapalah yang nak ber-*special* dengan saya ni?

Dahla tak lawa. Jahil plak tu ... huhu."

Amirul tersenyum dan berkata, "Sapa kata awak tak lawa? Pada pendapat saya, awak cantik ... lebih cantik dripada kucing Parsi ... hehe."

"Opps terkentut lak."

"*Sorry* ... tak sengaja," kata Amirul sambil mengibas-ngibas udara di sekeliling mereka untuk menghalau aroma kentut itu pergi. Kemudian, mereka sama-sama ketawa lagi.

(KT: Camnilah rupa orang yang tengah angau. Asyik ketawa jer walaupun bau kentut)

Mereka pun berbual-bual panjang di atas kerusi dengan jarak antara mereka dijarakkan sejauh dua hasta. Banyak mata memerhatikan mereka berdua. Ada yang senyum, ada yang sinis. Yang pastinya, kelakuan tersebut mengundang cemburu di hati Nazrin.

"Cis ... tak guna punya jantan!"

Pada malam itu, Nazrin selaku ketua PPI telah memanggil semua ahli mesyuarat (campur muslimin dan muslimat). Tujuannya tak lain ialah untuk mem-

*BRAIN-WASH* setiap ahli supaya tak ber-*couple*. Ixora terasa dirinya disindir tapi dia tak menjawab. Pendam saja hatinya yang carik dikoyak-koyak dalam hujah-hujah Nazrin. Kebanyakan mata memerhatikannya seolah-olah dia seorang saja yang berdosa.

Apabila pulang ke kolej, Ixora terus dinasihati oleh naqibahnya yang senior, Leha.”

Ixora, akak rasa, Ixora tak boleh teruskan hubungan dengan dia. Lagipun dia berbeza fikrah dengan kita.”

Ixora menjawab, “Walaupun berbeza fikrah, tapi matlamatnya sama saja kan? Semua nak menuju kepada Allah.”

“Tapi Ixora, hubungan awak dengan dia bakal mencemarkan nama baik jemaah. Apa orang lain akan kata jika naqibah dan daie ber-*couple*?”

“Tapi akak, bukankah *couple* tu fitrah makhluk? Semua makhluk Allah berpasang-pasang kan?”

Ixora tetap mempertahankan apa yang dirasakannya benar (walaupun salah). Leha sudah tak mampu nasihat lagi.

“Terpulanglah pada awak, Ixora. Akak nasihat jer ... taknak nasi jadi bubur nanti.”

“Terima kasih atas nasihat akak tu. Saya pandai jaga diri!”

Sementara itu, di bilik Amirul.

“Amirul, camane minggu ni. Jadi keluar sehari setengah dengan kami?”



“Err ... minggu ni banyak *assignment* la nak kena siapkan. Tak keluar kot.”

Sejak dua menjak ni, Amirul semakin malas melibatkan diri dalam dkwah. Masjid pun jarang pergi. Solat di bilik ja. Puncanya: iman lemah kerana dalam hati ada anasir selain Allah.

Hujung minggu itu.

“Abang, jom temankan saya *study* kat *library* ... bleh tak? Bosanlah *study* sorang-sorang. Kawan-kawan semua taknak gi *library*.”

“Okey. Leh jer ... tunaikan hak saudara. Hehe.”

Hanyut ... hanyut ... hanyut ... .

KT: Kepada para pembaca, sekali anda terjebak dalam perangkap cinta, hati anda akan ditawan sehinggalah hati anda terluka.

Hati Amirul berbunga kembali. Tiap-tiap malam ber-SMS dengan Ixora. Tiada lagi SMS soal-jawab agama tetapi lebih kepada soal hati mereka berdua. Teman sebilik menyimpan curiga tapi tidak mahu menegur kerana berbaik sangka. Tiada lagi igauan gadis berpurdah yang sebelum ini pernah lintas dalam hatinya tatkala kecewa dengan Ixora. Sekarang, dalam hatinya hanya ada Ixora, Ixora dan Ixora.

“Abang, bila abang hendak kenalkan saya kepada orang tua abang?” soal Ixora pada suatu hari.

“Err ... rasanya belum sampai masanya lagilah. Kita kan masih belajar. Tahun ni *final-year*,” jawab Amirul.

“Tapi, saya rasa elok juga kita beritahu orang tua kita supaya lebih diberkati.”

“Nantilah. Sabarlah dulu. Lepas habis belajar ni, kita terus kahwin, okey?”

“Lambat lagilah abang. Kalau boleh, esok jugak kita kahwin!”

“Ish, jangan mengarutlah! Belajar bagi habis dulu.”

“Saya rasa, hubungan kita sudah semakin rapat. Bimbang jika berlaku apa-apa yang tak diingini. Iman saya ni bukannya kuat sangat. Lebih baik kita kahwin cepat-cepat.”

“Abang mana ada duit hendak kahwin. Duit PTPTN pun cukup-cukup makan je ... .”

“Habis tu, abang nak kita terus macam ni? Saya rasa tak selesa bang. Banyak dosa yang kita kena tanggung kalau terus berhubungan camni. Semalam, akak Leha ada nasihatkan saya. Tidak elok *couple* lama-lama.”

Eh, baru sekarang sedar dosa pahala? Sebelum ni *slumber* je. Tak kisah pun. Mengapa tetiba berubah ‘fatwa’ pulak? Ixora semakin mendesak. Amirul pula berbelah bagi antara pelajaran dan hubungannya.

Akhirnya, timbul satu idea dari Ixora, “Apa kata kita kahwin gantung?”

“Kahwin gantung?”

“Ye. Kahwin gantung. Mengapa? Abang juga pernah katakan, ‘Cinta bermula selepas kahwin’ tapi mengapa kita bercinta sekarang, abang?”

“Kita ditakdirkan jatuh cinta lebih awal, Ixora. Kita tak mampu menghalangnya. Ini semua takdir yang kita kena redha. Bersabarlah dulu. Nanti sudah habis belajar, sudah ada kerja, abang lamar Ixora cepat-cepat.” Amirul memberikan harapan.

Ixora tidak membalas lagi SMS itu. Dia cuba memahami keadaan Amirul dan dirinya yang masih di universiti. ‘Arghh! Mengapa begitu sulit perasaan ni?’ Ixora mengomel sendirian.

Benarlah kata pepatah, cinta itu bagaikan kurap, makin digaru semakin sedap. Tapi, selepas habis garu, akan terasa sakitnya.

\*\*\*

“SAFWAN, jika kau di tempat aku sekarang, apa yang kau ingin lakukan?”

“Masalah kau ni masalah hati, Amirul. Aku dh bagitau kau dulu, jangan main-main soal hati. Kau lupa apa yang ustaz kita katakan, ‘Jangan sentuh wanita walaupun hatinya.’ Kau telah melanggar sempadan dengan membiarkan dia mengharapkan kau. Aku rasa, eloklah kau kembali ke pangkal jalan, Amirul. Aku mahu kau jadi Amirul yang dulu. Amirul yang aku kenali sebagai seorang yang kuat berpegang dengan sunnah.”

Amirul menggeleng. Sekarang, barulah dia sedar yang dirinya sudah jauh dari jalan hidayah. Sedar atau tidak, sudah berbulan-bulan Amirul tidak keluar

beruzlah memperbaiki diri walaupun sebelum ni dia seorang yang sangat 'jos'. Dia beristighfar.

"Aku malu dengan semua rakan-rakan kita, Safwan. Anuar dan orang lain sudah pandang dingin dengan aku."

"Jangan berputus asa dengan rahmat Allah. Jika kau betul-betul ikhlas hendak selesaikan masalah ini, pasti Allah akan buka jalan. Tapi, kau kenalah bersabar. Kadang-kadang, Allah hantar sesuatu kepada kita sebagai ujian untuk lihat sekuat mana iman kita."

"Ternyata iman aku nipis, Safwan. Dengan mudah aku boleh sangkut. Dah tersangkut, susah pula nak lepas. Aduh ... ."

"Kau buatlah solat istikharah. Minta petunjuk Allah. Aku ni, bukan reti sangat bagi motivasi. Takde pengalaman macam kau."

\*\*\*

"IXORA, mengapa akak tengok awak macam muram je sekarang ni? Bergaduh dengan Amirul ke?"

"Eh ... taklah."

"Boleh akak tahu, apa masalah awak?"

"Entahlah, akak. Serba salah rasanya nk cerita. Derita yang saya tanggung ni sangat perit. Tak tahu, bilakah ia akan berakhir."

"Dari awal lagi akak dh bagitau Ixora. Jangan main-main soal hati. Tapi, siapalah akak ni kan?"

“Janganlah kecil hati dengan saya, akak. Saya minta maaf sebab tak dengar nasihat akak dulu. Kalaulah saya tahu cinta tu berat, tak mungkin saya terlibat. Huhu.”

“Tak gunanya berkalau-kalau ... ia adalah pintu syaitan.”

“Apa yang harus saya lakukan sekarang?”

“Putuskan hubungan dengan dia!”

“Haaa!!!! Tak sanggup akak!”

“Awak diberi pilihan antara dua. Terus atau patah balik. Fikirkanlah sendiri.”

Air mata mengalir membasahi pipinya. Berat sungguh pilihan ini. Jika diteruskan, dosa akan bertambah. Jika dihentikan, hati yang akan parah. “Ya Allah! Tunjukkanlah jalan yang terbaik buat kami yang jahil ni.”

\*\*\*

MASING-MASING bersolat istikharah memohon petunjuk dari Allah.

“Ixora, saya ada satu perkara penting hendak beritahu awak.”

“Ya. Saya pun ada hal penting hendak diberitahu abang juga.”

“Errr ... mulai hari ni jangan panggil saya ‘abang’ lagi. Panggil Amirul saja.”

“Erm ... ok. Saya cuba.”

“Sebenarnya, saya mahu minta maaf kerana telah mencuri hati awak dulu. Saya pun tak sangka jadi begini. Sekarang, saya mahu serahkan balik hati awak tu. Harap awak sudi terimanya semula.”

“Saya faham. Dan saya pun hendak serahkan semula hati ustaz yang saya curi dulu.”

“Jadi, mulai hari ni, kita sudah tidak ada apa-apa hubungan istimewa.”

SMS ditamatkan. Walaupun pedih tapi terpaksa. Realitinya menghadapi saat-saat putus cinta tidak semudah memadamkan dakwat marker di *whiteboard*. Sebenarnya ia lebih sukar daripada mencabut mata kail dari mulut ikan. Sakitnya, hanya ikan tu yang rasa. Kita manusia seronok memancing saja. Hari-hari berbaki perlu diisi segera. Jika ia kosong, syaitan akan dapat bertapa.

## EPISOD 2

Amirul telah *break* dengan Ixora sehinggalah habis *final* semester. Masing-masing membawa diri. Ketika itu, Amirul mula mencari keperluan untuk berkahwin. Tanpa diduga, Haji Rasyd meng'ofer' kerja sebagai pembantunya di pejabat. Pada mulanya, Amirul agak keberatan untuk menerimanya kerana dia mahukan kerja yang lebih bergaji besar. Namun, pada suatu hari, dia ternampak seorang gadis berpurdah di rumah Haji Rasyd. Dengan secepat kilat, dia menukar keputusannya.

“Oklah haji. Esok saya mula bekerja.”

Maka, Amirul pun bekerja dengan penuh ikhlas dan istikhlas dengan majikannya. Pada suatu hari, ofis tersebut didatangi oleh seorang lelaki yang memakai shawl hitam, berserban hitam dan berkaca mata. Amirul bertanya rakan sekerjanya, Hidayatullah, “Siapa mamat tu?”

“Itulah ustaz Abdullah. Dia baru pulang dari Afrika.”

“Apa kena mengena dia dengan Haji Rasyd?”

“Kau tak tahu lagi? Hahaha! Apalah kau ni. Tak baca dia punya *updated* status langsung.”

Amirul dalam kebingungan. Kemudian, dia ternampak Haji Rasyd bersalaman dan berpelukan dengan ustaz muda itu dengan penuh kasih sayang. Amirul cemburu. Selama bekerja dengan Haji Rasyd, tak pernah Haji Rasyd berbuat begitu terhadapnya. Maka, timbullah dalam benaknya, ‘Aku rasa,

mungkin ustaz ni calon menantunya. ‘Argggg ... melepaslah aku kali ni nak beristerikan gadis berpurdah.’

Setelah lama berbual, ustaz itu pun beredar dari situ. Dia melintasi Amirul yang sedang membungkus surat untuk dihantar. Ustaz tersenyum. Amirul mempamerkan wajahnya yang ketat. Namun, ustaz itu tetap meneruskan senyuman dan berjabat tangan dengannya dan bertanya, “Tuan kerja kat sini ke?”

“Yelah. Kejalah. Takkan datang sini buat amal jariah pulak? Semua orang kena kerja. Sesiapa yang tak kerja, camne nak dapat duit?” jawab Amirul panjang lebar.

“Salah tu tuan. Kita tak boleh cakap camtu. Kerja atau tak, Allah yang bagi rezeki. Allah boleh bagi rezeki kepada setiap orang sama ada melalui kerja atau cara lain,” kata ustaz Abdullah sambil tersenyum.

“Habis tu, ustaz nak saya balik tidur dan tunggu rezeki datang depan pintu? *Come on*-lah!”

“Bukan begitu maksud saya. Kerja tetap kerja tapi yakin wajib hanya pada Allah, tuan. Takpelah, kalau tuan nak faham, tuan keluar 4 bulan, 40 hari, 3 hari.” Ustaz Abdullah terus mentaskil Amirul.

“Saya dah keluarlah, ustaz. Sudah enam tahun masuk keluar POLITEKNIK dan Universiti. Tapi, balik mai kena kerja jugak. Mana ada balik mai tidur Allah bagi rezeki. Semua orang kena kerja.”



Ustaz Abdullah tidak mahu berbahas lagi. “Maafah tuan, saya balik dulu ya. Saya pun ada kerja nak buat ni. Sedang nusrah Jemaah Arab di masjid berdekatan. Jemputlah datang malam ni. Ada bayan.”

“Tengoklah dulu.” (Amirul terlupa cakap insya-Allah)

Setelah ustaz itu terlepas dari pandangan, Hidayatullah menegur Amirul, “Kenapa kau kasar sangat dengan ustaz tu tadi? Tak baik buat macam tu. Sepatutnya ulama macam tu, kita kena ikram. Bukan berbahas.”

Amirul tidak menjawab. Hatinya timbul sedikit kekesalan kerana berdebat dengan ustaz itu tadi. Setelah difikirkan, barulah dia sedar bahawa itu semua hasutan syaitan berpunca dari prasangka dan cemburunya bahawa ustaz itu adalah calon menantu Haji Rasyd. Dia beristighfar lagi.

Pada ketika itu juga, anak Haji Rasyd masuk ke dalam ofis dan bertanya, “Err ... Amirul. Ayah saya ada kat dalam tak?” soal anak Haji Rasyd yang sehingga kini belum diketahui namanya oleh Amirul. Amirul malu bertanya kerana dia terkesan dengan ‘fatwa’ bahawa nama adalah aurat. (Nama bukan aurat mengikut pendapat jumhur ulama’)

“Err ... tadi dia keluar. Ada apa yang boleh saya bantu?”

“Erm ... tak apalah. Nanti saya *call* dia. *Thanks.*”

Amirul mengamat-amati betul-betul wajah yang berselindung di sebalik purdah itu. Adakah dia adalah gadis yang pernah terserempak dengannya dalam lif pada tempoh hari? Susah betul hendak mengecamnya.

\*\*\*

AMIRUL mahu melupakan sebentar mengenai misinya memburu gadis berpurdah. Dia sedar niatnya itu salah. Dia sebenarnya tak ikhlas untuk bekerja dengan Haji Rasyd. Dia bukan bekerja tetapi mahu merapati anak Haji Rasyd. “Ya Allah! Ampunkanlah aku. Aku ni jahil. Aku nakkan isteri yang solehah. Kau tunjukkanlah aku siapa jodohku agar aku tidak tergesa-gesa.”

Pada malam itu, Amirul keluar berseorangan ke kota raya yang penuh ranjau. Muda-mudi berpelesenan sana sini dan tidak malu berkelakuan sumbang. “Hidayat ya Allah. Hidayat.”

Ketika dia masih di atas motosikal 125-Znya, dia terpandang sekujur tubuh yang agak dia kenali. Wanita berjubah abayya sedang berjalan berdua-duaan dengan ibunya di depan kompleks ‘beli-beli belah.’ Muncul dalam fikirannya, ‘Adakah itu Ixora?’

Antara segan dan berani, Amirul seakan-akan mahu menegurnya. Tapi, untuk apa? Lantas, dia membelek nombor fon dalam *handphone*-nya. Dicari-cari nama Ixora. Ternyata nama itu masih terpahat dalam buku telefonnya. Tapi, masihkah Ixora masih terpahat dalam hatinya? Jari jemarinya lantas membuat satu panggilan ke nombor tersebut. “Maaf, nombor yang anda dail telah ditamatkan perkhidmatannya.”

Arghh! Tidak! Ixora sudah tukar nombor baharu. Amirul menjadi tidak keruan. Lantas, dia meneruskan perjalanannya di atas motosikal tersebut. Tidak tahu ke mana hendak dituju. Ke hilir atau ke hulu.

Tiba-tiba, Amirul terkentut di atas motosikalnya. Bunyinya sangat kuat. Aromanya tersebar luas sehingga masuk ke rongga hidung Ixora.

“Eh...macam kenal je bau kentut ni ... .” Kemudian, dia mencari-cari tuan punya kentut itu. Amirul terperasan bahawa bau kentutnya itu dapat dihidu oleh Ixora. Lantas, dengan wajah yang merah padam, dia menutup *visor* helmetnya dan bergegas dari situ dengan kelajuan 120 km/j.

Amirul tidak segera pulang ke rumah sewanya tetapi membelok ke Cyber Cafe. Di situ, dia melayari Facebook dan menggunakan nama samaran, ‘Love Seeker’. Dia cuba mencari-cari kawan baru yang terdiri daripada gadis-gadis yang agak bersopan. Lebih 50 orang di-*request*-kan friend. Seinggalah Facebook menghantar mesej amaran kepadanya, “Anda didapati menambah kawan dari orang yang tidak dikenali. Anda disyaki melakukan spam dan akaun anda akan ditahan selama 7 hari.”

Pada keesokan hari, Amirul pergi lagi ke Cyber Cafe dan membuka akaun Facebook. Didapati, ramai juga gadis yang telah meng-*approve request*-nya. Dia pun mula menghantar *private message* ke setiap inbox dengan ayat yang sama, *copy and paste*.

“Terima kasih kerana sudi *approve* saya. Sebenarnya saya sedang mencari seseorang yang sudi menjadi teman saya dalam perjuangan. Sudikan kita berkenalan?”

Dalam banyak-banyak mesej yang dihantar, cuma seorang sahaja yang membalas. Pembalas itu menggunakan nama samaran, ‘Mawar Berduri’.

Mawar Berduri: Haha ... kelakalah ayat awak tu.

Love Seeker: Hehe ... kelakar ke?

Mawar Berduri: A’ah. Belum pernah ada orang tulis mesej begitu.

Love Seeker: Saya pun pertama kali tulis. Hehe.

Mawar Berduri: Boleh tahu, awak ni berjuang dengan geng mana?

Love Seeker: Err ... saya *lone ranger* sekarang ni.

Mawar Berduri: Oh ...

Mereka berdua pun terus chat di Facebook sehinggalah akhirnya masing-masing bertukar nombor telefon. Dan, mereka pun berkenalan dengan lebih lanjut.

\*\*\*

PADA suatu hari, datanglah satu jemaah ke surau di taman perumahan tempat Amirul menginap. Setelah bermesyuarat, akhirnya mereka semua pun bertebaran ke seluruh taman itu. Dua orang daripada mereka diputuskan untuk berjumpa dengan Amirul. Ketika itu, Amirul tiada di rumah kerana dia masih belum pulang

dari pejabat. Pada malam itu, barulah Amirul berkesempatan bersama-sama jemaah dalam program bayan.

“Tuan-tuan yang mulia. Allah telah letakkan kejayaan ikan-ikan ialah bila mana mereka dapat hidup di laut. Apabila mereka cuba keluar dari laut, maka mereka akan mati. Begitu juga dengan cacing yang keselamatan mereka telah ditetapkan di dalam tanah. Jika mereka keluar dari tanah, mereka akan kepanasan. Sama juga dengan manusia yang telah Allah letakkan kejayaannya dalam agama. Jika manusia cuba keluar dari agama, manusia akan sengsara.” Sungguh petah pembayan pada malam itu menyusun kata.

Amirul kusyuk mendengar bayan. Amirul hampir menangis mengenangkan dirinya yang semakin teruk.

Pembayan meneruskan bicaranya lagi. “Tuan-tuan, jika kita tunaikan hak Allah, pasti Allah akan tunaikan semua keinginan kita. Hari ini, kita mahukan sesuatu, tapi kita lupa untuk memohonnya daripada Allah. Kita buat ikut akal kita sendiri. Akhirnya, yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran.”

“Patutlah Allah tidak temukan aku dengan perempuan yang aku nak. Rupa-rupanya aku tak tunaikan hak Allah. Ya Allah. Ampunkanlah aku,” bisik hati Amirul.

“Atas maksud itu, marilah kita semua bagi azam untuk keluar di jalan Allah. Insya-Allah 4 bulan, 40 hari, siapa sedia?”

Amirul masih keberatan untuk mengangkat tangan dan memberi nama. Dunia masih terbayang-bayang di depan matanya. Dia masih tidak faham mengapa mereka mengajaknya keluar di jalan Allah.

\*\*\*

PULANG dari surau, Amirul membaca SMS di *handphone*-nya. Ada mesej.

Mawar Berduri: Hai awak, buat apa tu?"

Amirul: Baru balik dari majlis tazkirah kat masjid.

Mawar: Oh..baguslah. Boleh awak bagi tazkirah balik kat saya?

Amirul: Hehe. Maaf ya. Saya bimbang iman saya ni rosak nanti.

Mawar: Kenapa pula?

Amirul: Err ... panjang ceritanya. Kita SMS dahlah ye.

Mawar: Okey, saya faham. Sebenarnya, saya nak jemput awak ke rumah saya hujung minggu ni. Ada kenduri.

Amirul: Oh yeke? Insya-Allah. Bagi alamat rumah.

Mawar: Ni alamatnya ... (terpaksa dirahsiakan oleh penulis)

\*\*\*

PADA hari itu, Amirul bersiap-siap dengan begitu segak sekali. Inilah kali pertama dia akan bertemu mata dengan 'Mawar Berduri'. Teman mayanya di Facebook. Dalam hatinya berdoa, "Ya Allah, jika dia jodohku, permudahkanlah."

Sampai di rumah yang dimaksudkan, orang ramai sedang makan. Tanpa diduga, kelibat Ixora juga turut berada di rumah itu. “Eh, apa dia buat kat sini? Habislah aku kalau dia bocorkan rahsia hubungan aku dengan dia pada Mawar. Arghh. Apa aku nak buat ni?”

Ixora juga terpaku seketika menatap wajah Amirul yang tercegat di depan pagar. Jantungnya berdegup kencang. Mungkinkah cinta lama berbunga kembali? Amirul kemudian disapa oleh tuan rumah, seorang pak cik berbaju Melayu dan bersamping segak bergaya. Ada janggut di dagunya.

“Eh, mengapa tunggu di situ? Marilah masuk.”

Dengan malu-malu, Amirul melangkah masuk sambil hujung matanya memandang Ixora. Ixora juga begitu. “Adakah itu Amirul? Jika dia Amirul, apa dia buat kat sini?” bisik hati kecilnya. Masing-masing bertanya-tanya tanpa ada jawapannya.

“Err ... pakcik, sebenarnya, saya datang ni sebab ada kawan saya yang jemput. Mungkin anak pakcik agaknya.”

“Siapa nama kawan anak tu?”

“Err ... nama dia kat Facebook, ‘Mawar Berduri’. Nama betul, taktaulah pulak. Tapi, inilah alamat rumah yang diberikannya tu.”

“Hehehe. Pak cik ni manalah tahu Facebook-facebook ni. Takpalah. Masuklah makan dulu.”

Dengan segan-segan, Amirul pun melangkah masuk. Tidak lama kemudian, muncullah kelibat Ustaz Abdullah dari dalam rumah tersebut. “Eh, ustaz ni pun ada kat sini juga?”

Diamat-amati pakaian yang dipakai oleh ustaz Abdullah itu, persisnya seperti orang yang diraikan. Adakah ini majlis pertunangannya? Peliknya, tapi, mengapa perlu dibuat di rumah pihak lelaki. Selalu orang buat di rumah pihak perempuan. “Mencarik adat,” fikir Amirul.

Dengan muka yang tebal dan masih *cover* macho, Amirul mencedok nasi. Ixora pula cuba untuk datang dekat Amirul bagi mengesahkan bahawa lelaki itu adalah Amirul. Tiba-tiba, Amirul terkentut.

“Memang sah. Ini adalah Amirul! Masih aku cam bau ini!”



## EPISOD 3

“Tak sangka ya. Boleh jumpa awak lagi. Ingatkan sudah tak jumpa dah,” kata Ixora.

Jawab Amirul, “Hehe. Saya pun tak sangka yang ‘Mawar Berduri’ tu rupanya awak.”

Maka, bermulalah episod baharu dalam drama kehidupan ini. Peluang yang muncul kali ini tak mungkin akan dilepaskannya. Amirul tak rela terluka pada tempat yang sama. Begitu juga dengan Ixora. Amirul semakin berani dalam mengungkapkan kata-kata. Sesuai dengan umurnya yang semakin dewasa.

Maka, satu kiriman SMS dihantar, “Awak, sebenarnya, saya ada hajat.”

“Apa dia?”

“Hati saya telah lama kosong. Kalau biar lama-lama, nanti masuk angin pula.”

“Kalau begitu, cepat-cepatlah isi.”

“Jadi, awak setuju untuk kita ikat kembali tali yang sudah putus?”

“Insya-Allah. Tapi, biarlah dengan cara yang betul. Jumpalah keluarga saya dulu.”

“Yes!” Gembiranya bukan kepalang. Bulan dicita jatuh ke ribaan.

Maka, majlis risik-merisik pun diatur. Maka, kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk mengikat tali pertunangan. Satu masalah sudah selesai. Tapi,

pertunangan bukan tiket untuk berlebih-lebih dalam hubungan. Tarafnya sama sahaja, tetap bukan mahram yang ada batasannya.

“Awak, saya nak minta satu perkara boleh?” kata Ixora.

“Ye. Apa dia?”

“Boleh tak, sepanjang kita bertunang ni, kita jangan berjumpa. Satu takutlah kalau terjadi apa-apa. Iman saya ni bukannya kuat sangat.”

“Saya pun rasa macam tu jugak. Kalau boleh, kita kurangkan juga berbual di telefon dan SMS. Kita cakap yang penting-penting saja.”

Begitulah pada mulanya mereka merancang untuk menjaga hubungan agar tidak melanggar sempadan syariat. Namun, insan berkasih sentiasa diuji. Kadang-kadang cemburu menerpa. Kadang-kadang rindu menyapa.

“Awak, awak rindu saya tak?”

“Rindulah ... .”

Maka, sempadan yang dihadkan telah dibolosi. Undang-undang yang dicipta, sendiri yang melanggarnya. Dengarlah kata orang yang bijaksana, jangan bertunang lama-lama.

“Awak, bila kita nak kahwin ni?”

“Kalau boleh, sekarang juga saya nak kahwin, tapi, saya belum cukup duit lagi. Tulah, siapa suruh ayah awak letak harga mahal sangat. Mana sempat saya nak cekau RM 12 000 tu.”

“Awak ni ... salahkan ayah saya pula. Awak juga yang setuju kan? Takpelah, kalau awak tak nak kahwin dengan saya, saya kahwin dengan orang lain.”

“Ala ... tu pun nak merajuk ke? Apa kata kita berbincang mengenai masalah ni. Duit simpanan saya dah ada RM 6000. Kalau awak sudi ‘topup’ lagi RM 6000, cukuplah.”

“Okey ... tapi awak janji, nanti bayar balik tau.”

“Yelah. Nanti saya bayarlah. Asalkan kita kahwin je. Selamatkan iman dulu.”

Idea yang ‘bernas’ itu diterima. Setelah lengkap semuanya, kedua-dua keluarga pun berbincang untuk mempercepatkan tarikh perkahwinan iaitu 4 bulan 10 hari dari sekarang.

Pada suatu malam, Amirul bermimpi didatangi seseorang lelaki berjubah hitam dan menutup muka dengan kain hitam.

“Wahai Amirul! Sudah lama kamu tak khuruj. Adakah kamu fikir tunang yang kamu sayang tu boleh membahagiakan kamu? Yakin kamu salah! Sebenarnya, segala kebahagiaan adalah datang dari Allah. Allah akan beri kepada sesiapa yang Allah suka. Jika kamu tidak mahu menyesal, lebih baik kamu pergi ber‘uzlah secepat mungkin! Sucinya hatimu yang kotor itu!”

Tatkala terjaga dari tidurnya, Amirul beristighfar panjang. Dipandanginya *bedding*, beg dan kain baju di dalam almari yang terbuka. “Ya Allah! Ampunkan aku! Aku sangat kotor. Tunjukkan aku jalan yang lurus untuk aku sucikan hatiku ini.”

Dengan penuh semangat, Amirul menghantar SMS kepada tunangnya, “Awak, kita terpaksa berjauhan selama 4 bulan. Saya nak keluar ke ber’uzlah. Saya mahu tunaikan hak Allah dan hak makhluk. Selepas saya balik nanti, saya janji akan tunaikan hak awak. Awak jangan risau, kalau jodoh tak ke mana.”

“Baru seminggu kita bertunang, awak hendak tinggalkan saya? Huhu ... sampai hati.”

“Bukan tinggal selamanya tapi untuk seketika bagi menyiapkan diri mengemudi bahtera.”

“Jika itu yang awak inginkan, saya tak boleh halang. Semoga Allah memelihara perjalanan abang.”

Hari berganti hari. Jiwa semakin diuji. Ixora di Malaysia, hatinya sedang dicuri oleh lelaki lain yang cuba melukut di tepian gantang. Cuba merapatinya atas alasan kawan yang menghiburkan kawan yang kesunyian. Ceh! Taktik kotor!

“Bukankah saya sudah katakan dulu, awak akan menyesal kahwin dengan orang seperti Amirul. Mereka tu tolak dunia. Ada tunang pun sanggup ditinggalkan. Awak patut menyesal kerana menolak lamaran saya dulu,” kata Zamani, anak seorang hartawan terkenal tanah air.

“Awak tidak patut cakap camtu. Sudah jodoh saya dengan dia.”

“Eleh ... setakat bertunang, apalah sangat. Orang berkahwin pun boleh bercerai.”

“Sudah. *Stop!* Saya tak suka! Benci! Benci! Benci!”

Pada suatu hari, terdengarlah satu berita di kaca TV.

“SATU JEMAAH DARI MALAYSIA TELAH TERKORBAN APABILA BAS YANG DINAIKI TELAH DILETUPKAN OLEH PUAH PENGGANAS DI SEMPADAN KASHMIR.”

KASHMIR! Berdegup kencang jantung Ixora. Terkumat-kamit mulutnya membaca doa. “Ya Allah! Peliharalah Amirul. Jika dia jodohku, bawalah dia pulang ke sini dengan selamat.”

“Amirul sudah mati, Ixora! Tak guna awak tunggu dia.” Satu SMS dihantar oleh Zamani.

“Tak mungkin! Tak mungkin! Dia sudah berjanji untuk kahwin dengan saya. Saya yakin, dia akan pulang.”

Hari berganti hari. 4 bulan 10 hari berlalu pergi. Sepatutnya, hari ini, Amirul ada di sisinya untuk majlis ijab dan kabul tapi sehingga kini, tiada khabar berita.

“Ixora. Buat apa awak tunggu orang yang telah mati? Tak ada gunanya. Lebih baik awak terima sahaja lamaran saya. Kan senang!” Zamani masih memburunya.

“Mati hidup semula, saya takkan kahwin dengan awak, Zamani.”

Setiap ketika, Ixora akan membaca kitab Muntakhab Ahadith yang pernah dihadihkan Amirul sempena majlis pertunangan mereka dulu. Menitis air matanya. Sebak dalam dadanya, hanya Allah yang tahu. Tunang yang disayang

tidak pulang-pulang, adakah hilang atau disambar jembalang. Keluarga Amirul juga tidak menerima apa-apa khabar mengenainya. Semua insan yang menyayanginya turut berdukacita.

“Ayah, Ixora hendak keluar sekejap. Jalan-jalan dengan kawan.” Ixora cuba meredakan ketegangan yang dihadapinya dengan keluar dengan Zaleha (naqibah yang bertanggungjawab ke atasnya ketika di universiti dulu. Zaleha cuba mententeramkan hati Ixora.

“Akak faham perasaan Ixora. Tapi, Ixora kena terima hakikat bahawa Amirul sudah tiada di dunia ini lagi. Allah lebih sayangkan dia.”

“Kalau mati, di mana kuburnya, akak?”

“Mati tidak syarat berkubur.”

Ixora menangis lagi. Zaleha cuba memujuk. “*Let’s bygone be bygone*. Masih ada yang sudi memperisterikan awak.”

“Kalau si Zamani tu, mati hidup semula pun tak sanggup, akak.”

“Bukan dia. Ada seorang lagi lelaki yang akak rasa lebih baik daripada Amirul. Namanya Tuan Muda Aleng. Orangnya baik dan warak.”

“Dia ustaz juga ke?”

“Ustaz atau tidak, dia mampu menjadi suami yang baik. Awak masih tak serik-serik lagi, Ixora? Masih bertahan walaupun Amirul telah tinggalkan awak tanpa berita? Jika dia sayangkan awak, dia takkan buat awak camni, Ixora.”

“Jadi, akak nak saya lupakan Amirul?”

“Ya. Itulah cara yang terbaik untuk lenyapkan air mata awak. Dah semakin cengkung muka awak. Sudahlah Ixora. Terimalah nasihat akak ni. Demi masa depan awak yang cemerlang, gemilang dan terbilang.”

Setelah dipujuk dan ditaskil sedemikian rupa, akhirnya Ixora mengalah. Pihaknya terpaksa menghantar semula cincin pertunangan menandakan bahawa tiada lagi ikatan. Maka, pada hari yang ditetapkan, Ixora dan Tuan Muda Aleng bakal dinikahkan.

“Sebelum saya menjadi suami awak, bolehkan kiranya saya bertanya satu soalan?”

“Ya, silakan.”

“Adakah awak ikhlas untuk berkahwin dengan saya?”

“Ikhlas adalah rahsia Allah. Tiada siapa pun tahu.”

“Jika begitu, saya anggap awak rela.”

Borang telah siap diisi. Inai telah merah di jari. Tok Imam dan wali sabar menanti. Saat bertautnya dua hati.

Tiba-tiba, terdengar bunyi yang agak luar biasa tapi sangat jelas di telinga. Ixora memandang dan mencari-cari dari manakah datangnya bunyi itu. Dia sangat peka dengan bunyi seperti itu. Keharuman bau yang terhasil juga sangat-sangat dikenalnya.

“Amirul!” jeritnya. Dia lantas bangun dan terus menerpa Amirul yang berdiri di pintu dalam masjid. Amirul berjubah dan berserban, menampakkan imej tariqatnya yang tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan.

“Amirul, awak pergi ke mana?”

“Maaf sayang. Saya terlibat dalam kemalangan tetapi Allah telah selamatkan saya. Tiket kapal terbang saya terbakar. Saya tidak boleh pulang awal dan terpaksa bekerja mencari duit untuk membeli tiket yang baharu. Sebab itulah saya lambat. Saya minta maaf kerana membuatkan awak menunggu. Saya sangat rindukan kamu.”

Setiap hadirin terpinga-pinga. Adakah ini mayat yang hidup semula? Apa-apapun, kalau jodoh tak ke mana-mana. Tuan Muda Aleng dengan penuh sifat IKRAM yang tinggi, menyerahkan Ixora kepada Amirul. Akhirnya, mereka dinikahkan di situ juga.

Ucapan pertama Amirul kepada isterinya pada malam pertama, “Ayang, esok kita kemas beg, bulan madu 10 hari.”

“Okey, boleh. Tapi dengan satu syarat.”

“Sepuluh syarat pun abang terima.”

“Janji, jangan kentut-kentut lagi.”

“Hehe. Okey!”

**-TAMAT-**



## IKLAN



Sekiranya anda berhajat untuk belajar menghasilkan karya komersil sama ada fiksyen (novel, cerpen dll) mahupun non-fiksyen (buku motivasi, buku agama, ebook dll), sila hubungi penulis di nombor 0194702839 (SMS/Whatsapp)

Kami mengadakan bengkel dan personal coaching untuk sesiapa yang berminat.

Maklumat lanjut, klik sini:

<http://khairytajudin.com/bengkel-penulisan-novel/>

DAPATKAN KARYA-KARYA SAYA!



Maklumat lanjut, klik sini: <http://khairytajudin.com/shop/>

